

Edisi Januari - Februari 2022



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) telah berlangsung pada 27 Januari 2022 (Khamis) bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU. Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kluster Parlimen dan Undang-undang serta warga kerja melibatkan kira-kira 150 orang.



JANUARI 2022

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL SIASATAN KES KEMATIAN ALLAHYARHAM MUHAMMAD ADIB MOHD KASSIM BILANGAN 1 TAHUN 2022



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Siasatan Kes Kematian Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim diadakan buat pertama kali pada 11 Januari 2022 (Selasa) bertempat di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Penubuhan Jawatankuasa Teknikal ini antara lain bertujuan untuk membantu Jawatankuasa Khas dalam pengumpulan maklumat dan dokumen untuk membolehkan Jawatankuasa Khas membuat penelitian dan pertimbangan yang tepat. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohd Rabin Basir, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU).



PEMBUKAAN TAHUN PERUNDANGAN 2022

Pada 14 Januari 2022, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar telah menghadiri Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2022 yang merupakan perjumpaan tahunan pengamal undang-undang. Majlis berlangsung di Istana Kehakiman Putrajaya yang melibatkan perhimpunan para hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan, wakil Badan Peguam Negara Malaysia serta Jabatan Peguam Negara.

JANUARI 2022



MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU TRANSFORMASI DAN KESTABILAN POLITIK BILANGAN 3 TAHUN 2022

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Transformasi dan Kestabilan Politik Bilangan 3 Tahun 2022 berlangsung pada 19 Januari 2022 (Rabu) bertempat di Hotel Hilton KL Sentral. Mesyuarat bersama wakil parti politik ini dipengerusikan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang).

FEBRUARI 2022



MAJLIS MAKAN MALAM YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG) SEMPENA LAWATAN KERJA MENTERI SINGAPURA TYT MASAGOS ZULKIFLI

Pada 3 Februari 2022 (Khamis), Majlis Makan Malam YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) Sempena Lawatan Kerja Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Menteri Kesihatan Kedua serta Menteri Bagi Hal Ehwal Islam Republik Singapura ke Malaysia. Majlis berlangsung di Restoren De. Wan by 1958 Chef Wan @ Line Kuala Lumpur.



FEBRUARI 2022

MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH DAN TAAT SETIA HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN DAN HAKIM MAHKAMAH RAYUAN DAN MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT CARA PELANTIKAN & MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN DAN TAAT SETIA PESURUHJAYA KEHAKIMAN

Pada 4 Februari 2022 (Jumaat), YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) telah hadir ke Majlis Mengangkat Sumpah dan Taat Setia Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Rayuan dan Majlis Penyampaian Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia Pesuruhjaya Kehakiman. Majlis berlangsung di Istana Kehakiman Putrajaya.



FEBRUARI 2022

MESYUARAT JAWATANKUASA RAKAN SEKUTU (JKRS) BILANGAN 1 TAHUN 2022

Mesyuarat Jawatankuasa Rakan Sekutu (JKRS) Bilangan 1 Tahun 2022 telah diadakan pada 8 Februari 2022 (Selasa) bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, BHEUU bagi membincangkan isu-isu berkaitan Sabah dan Sarawak. Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) dan YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) yang turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Idrus Harun (Peguam Negara), Ahli Tetap Persekutuan serta Ahli Tetap Negeri Sabah dan Sarawak.



SESI LIBAT URUS BERSAMA AHLI PARLIMEN DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA MENGENAI PERUNTUKAN ANTI LOMPAT PARTI (KERAJAAN)

Pada 8 Februari 2022 (Selasa), YB Dato Sri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) telah mengadakan satu sesi libat urus bersama Ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara (Kerajaan) berhubung Peruntukan Anti Lompat Parti. Program berlangsung di Parlimen ini merupakan antara agenda penting yang dimeterai dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik yang dipersetujui Kerajaan dan Pembangkang. Sesi libat urus yang sama turut dilaksanakan pada 9 Februari 2022 (Rabu) bersama Ahli Parlimen Dewan rakyat dan Dewan Negara Pembangkang.

SESI LIBAT URUS BERSAMA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KLUSTER PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG



FEBRUARI 2022

Sesi Libat Urus Bersama Jabatan dan Agensi di Bawah Kluster Parlimen dan Undang-undang yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) telah diadakan pada 8 Februari dan 9 Februari 2022 (Selasa dan Rabu) di Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia, Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan. Sesi libat urus ini dihadiri oleh wakil-wakil dari jabatan dan agensi di bawah Kluster Parlimen dan Undang-undang.

Objektif utama sesi libat urus ini adalah untuk mendapatkan pandangan, idea dan maklum balas berkaitan penstrukturan semula agensi/jabatan di bawah Kluster Parlimen dan Undang-undang.

YBhg. Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir, Ketua Pengarah BHEUU telah hadir pada sesi pembentangan dan penutup sesi libat urus ini pada 9 Februari 2022.



Pada 15 Februari 2022, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) bersiaran selama 25 minit di slot Agenda Awani bagi membincangkan topik “Memantapkan Demokrasi Malaysia”.



Ceramah Muzik Dalam Pengurusan *Stress* anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) telah diadakan pada 25 Februari 2022 (Jumaat) bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU. Menarik mengenai kursus ini ialah penggunaan elemen muzik sebagai terapi dalam menghadapi tekanan yang dialami. Ceramah disampaikan oleh Encik Mohd Zaki Sarpan, Pegawai Psikologi dari Kementerian Luar Negeri. Kursus dihadiri oleh 50 orang peserta terdiri daripada warga BHEUU, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG).



Kunjungan Hormat

**dan Perjumpaan Bersama
YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Palimen dan Undang-undang)**



Perjumpaan YB Menteri Bersama Dr. Kamarul Zaman bin Haji Yusoff, Pensyarah Pusat Pengajian Antarabangsa, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM).

6 JANUARI 2022 (KHAMIS)

**BILIK MESYUARAT
PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**




Kunjungan Hormat Prof. Dato' Dr. Mohammad Agus bin Yusoff, Pensyarah Kanan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Ke Atas YB Menteri.





Perjumpaan YB Menteri Bersama Tan Sri Abu Zahar Ujang, Pengerusi Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR).

7 JANUARI 2022 (JUMAAT)



Perjumpaan YB Menteri Bersama Encik Jaya Singam Rajoo, Pengarah Kanan Bahagian Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).





**Perjumpaan YB Menteri Bersama Tan Sri
Dato' Seri Vincent Tan Chee Yioun.**

11 JANUARI 2022 (SELASA)



**Perjumpaan YB Menteri Bersama
Datuk Dr. Mustapha Ahmad Merican,
Pengerusi Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
Antarabangsa.**

13 JANUARI 2022 (KHAMIS)



Perjumpaan YB Menteri Bersama Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din, Mantan Pengarah Urusan Kumpulan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).



Perjumpaan YB Menteri Bersama Syarikat MZL Development Group Sdn. Bhd.



13 JANUARI 2022 (KHAMIS)



Perjumpaan YB Menteri Bersama Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud, Naib Presiden Kanan (Perkhidmatan Korporat), Jabatan Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya.



Kunjungan Hormat Datuk Sri Mazlan Lazim, Mantan Timbalan Ketua Polis Negara Ke Atas YB Menteri.






13 JANUARI 2022 (KHAMIS)

Perjumpaan YB Menteri Bersama ACP Dr. Parusuraman Subramaniam, Penolong Pengarah (Koordinasi Sumber Sokongan), Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Polis Diraja Malaysia (PDRM).





Perjumpaan YB Menteri Bersama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) diketuai oleh YBhg. Tan Sri Othman Hashim, Pengerusi SUHAKAM.

17 JANUARI 2022 (ISNIN)



Kunjungan Hormat CP Dato' Sri Abdul Jalil bin Hassan, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ke Atas YB Menteri.



7 FEBRUARI 2022 (ISNIN)



Perjumpaan YB Menteri Bersama Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi Ali, Pengerusi Pasukan Petugas Khas Bagi Tujuan Semakan Semula Undang-undang Isu Pulau Batu Puteh.



Perjumpaan YB Menteri Bersama Persatuan Pesuruhjaya Wilayah Persekutuan dan Selangor.





10 FEBRUARI 2022 (KHAMIS)

**BILIK MESYUARAT
PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**




**Kunjungan Hormat Majlis Bekas Wakil
Rakyat Malaysia (MUBARAK)
Ke Atas YB Menteri.**

15 FEBRUARI 2022 (SELASA)



**Perjumpaan YB Menteri Bersama Tun
Arifin bin Zakaria, Pengerusi Permodalan
Nasional Bhd. (PNB)**





22 FEBRUARI (SELASA)

Kunjungan Hormat Ms Karima El Korri, Penyelaras Residen, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam Ke Atas YB Menteri.





PEGAWAI BAHARU

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN JANUARI DAN FEBRUARI 2022



Encik Chow Siang Kong
Pegawai Undang-undang Gred L48 (M)
Penempatan : Pejabat Penasihat Undang-undang
Tarikh lapor diri : 1 Januari 2022



Puan Nurbani Shuhada binti Hasninlayati
Pegawai Tadbir dan Diplomati Gred M44
Penempatan : Seksyen Dasar dan Penyelidikan
Tarikh lapor diri : 24 Januari 2022




PEGAWAI BAHARU

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN JANUARI DAN FEBRUARI 2022



Puan Nur Ayuni binti Mohd Taupek
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44
Penempatan : Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19)
Tarikh lapor diri : 30 Januari 2022



Encik Mohammad Hatta bin Mat Yakob
Penolong Jurutera (Awam) Gred JA29
Penempatan : Seksyen Pembangunan
Tarikh lapor diri : 7 Februari 2022



PEGAWAI BERTUKAR

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN JANUARI DAN FEBRUARI 2022



Puan Nur Farhana binti Baharuddin
Pegawai Undang-undang Gred L48
Jabatan baharu : Jabatan Perkhidmatan Awam
Tarikh kuat kuasa : 1 Januari 2022



Puan Rosazlina binti Mohd Adzmi
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44
Jabatan baharu : Kementerian Kewangan Malaysia
Tarikh kuat kuasa : 5 Januari 2022



PEGAWAI BERTUKAR

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN JANUARI DAN FEBRUARI 2022



Encik Lim Kai Hau
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44 (M)
Jabatan baharu : Agensi Penguatkuasaan
Maritim Malaysia
Tarikh kuat kuasa : 30 Januari 2022



Puan Kartini binti Abdul Rahman
Penolong Jurutera (Awam) Gred JA29
Jabatan baharu : Kementerian Pembangunan
Luar Bandar
Tarikh kuat kuasa : 7 Februari 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

Diterbitkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Hal Ehwal Undang-undang
Precint 3
62692, Putrajaya

Tel : 03-88851000

Faks : 03-88851062

E-mel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my